

# Cari lailatulqadar bukan di jalan

Oleh AZRUL AZLAN  
ISKANDAR MIRZA

SEMPENA fasa ketiga Ramadan, kita sering diberikan pendedahan tentang kepentingan lailatulqadar. Fadilatnya sungguh besar dan berharga. Allah menyatakan di dalam al-Quran 'Lailatulqadar itu lebih baik daripada seribu bulan' - (al-Qadr, 3).

Hakikatnya, kelebihan mendapat lailatulqadar itu adalah seumpama *pergi-badatan* selama 83 tahun dan empat bulan! (seribu bulan).

Jangka hayat umat Nabi Muhammad adalah sekitar 60 hingga 70 tahun sahaja. Umur Nabi hanya mencecah 63 tahun ketika baginda wafat.

Berbanding umat terdahulu, umat Nabi Muhammad ini lebih pendek daripada umat yang lain.

Umat Nabi terdahulu mencecah ratusan tahun malah ada yang mencecah 1,000 tahun.

Secara spontan, kita menyatakan seolah-olah mereka yang hidup di zaman dahulu boleh beribadah dalam tempoh yang lama berbanding umat Muhammad.

Jika tidak diamati, ia akan menampakkan ketidakadilan Allah di dalam menciptakan manusia dan hamba-hambanya.

Realitinya tidak begitu. Sekalipun umat Muhammad ini umurnya pendek,

tidak bermakna kita tidak mempunyai kelebihan.

Hakikatnya kita memperoleh banyak kelebihan menjadi umat Nabi Muhammad.

Sebagai contoh, tempoh untuk bertaubat bagi kita adalah sebelum sakaratulmaut.

Tidak bagi umat terdahulu, mereka memerlukan tempoh tertentu bagi mendapat keampunan daripada Allah.

Begitu juga setiap amalan yang kita lakukan. Umat Muhammad akan digandakan pahala kebaikan bermula dari 10 hingga ke 700 kali ganda.

Jika sehari melakukan kebaikan, maka akan digandakan pahala kepada seolah-olah 10 hari kebaikan secara minimum. Jika setahun melakukan kebaikan, maka minimum ganjarannya adalah 10 tahun! Alangkah bertuahnya umat Muhammad.

Diriwayatkan daripada Bukhari dan Muslim, dari Abdullah Bin Abbas r.a, daripada Rasulullah s.a.w, bahawa diriwayatkan dari Allah Taala (Hadis Qudsi): *Sesungguhnya Allah menghitung kebaikan-kebaikan dan kejahatan-kejahatan, kemudian dijelaskan lagi, barang siapa yang berniat (untuk melakukan) kebaikan dan masih tidak melaksanakannya, (maka) Allah menulis baginya kebaikan yang sempurna. dan barang siapa yang berniat (untuk melakukan) kebaikan dan kemudian melaksanakannya, maka Allah menuliskan baginya*

*sepuluh kebaikan hingga 700 kebaikan, dan berkali-kali ganda banyaknya.*

*Dan barang siapa yang berniat (untuk melakukan) kejahatan tetapi tidak melaksanakannya, Allah akan menulis baginya kebaikan yang sempurna. Dan barang siapa yang berniat (untuk melakukan) kejahatan dan melaksanakannya, (maka) Allah menulis baginya satu kejahatan (sahaja).* - Bukhari, 6491; Muslim, 131; Musnad Ahmad, 28 27

## Pahala

Begitu juga lailatulqadar, jika memperoleh pahala ibadat selama 83 tahun dan empat bulan bagi satu malam lailatulqadar, maka ia satu ganjaran yang sangat besar.

Contoh mudah, sekiranya sepanjang hidup ini kita memperoleh 10 kali lailatulqadar, ia bermakna pahala pengibadatan kita adalah mencecah 833 tahun. Ia juga memberi maksud bahawa, walaupun umur umat Muhammad tidak panjang, tetapi pahala pengibadatan itu lebih baik daripada umat terdahulu yang umurnya panjang.

Alangkah beruntungnya jika kita memperoleh lailatulqadar. Perolehan tersebut bukanlah sebagaimana bulan jatuh ke riba, tetapi ia adalah perolehan berasaskan usaha.

Jika kita berusaha, maka akan berjaya lah menghasilkannya. Sebagai-

mana seseorang ingin berniaga, hendaklah dia berusaha bagi menjana perolehan dan keuntungannya. Dalam erti kata lain, lailatulqadar adalah proses pencarian, bukan dapatan tanpa usaha.

Namun, perolehan tersebut mestilah dengan caranya. Berniaga perkara haram memang beroleh keuntungan, tetapi tiada ganjaran baginya.

Begitu juga lailatulqadar, biarlah ganjaran itu diperoleh dengan caranya. Beriktikaf, melakukan solat sunat, membaca al-Quran dan zikir serta amalan yang dilaksanakan oleh Rasulullah adalah caranya.

Tetapi di akhir Ramadan, segelintir kita mencari 'lailatulqadar' di jalan-jalan tertentu. Penuhlah Jalan Tunku Abdul Rahman, Jalan Nilai 3 dan yang seumpamanya.

Berpusu-pusu mereka mencari kepuasan berseronok membeli-belah. Memang mereka peroleh kegembiraan dan keseronokan, tetapi tidak beroleh ganjaran lailatulqadar dalam erti yang sebenar.

Agaknya di mana silap kita? Apakah tidak tertarik kita dengan 'anugerah' daripada Allah?

□ AZRUL AZLAN ISKANDAR  
MIRZA, Universiti Sains Islam  
Malaysia.